

aab

Mahathir - Halangan.
Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

BRASILIA, 27 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad padahari Rabu menggesa supaya dimusnahkan apa yang beliau istilahkan sebagai +halangan psikologi+, yang selama ini memisahkan Amerika Latin dan Asia Timur.

Perdana Menteri berkata., walaupun jarak antara Amerika Latin dan Asia Timur tidaklah begitu jauh berbanding dengan jarak antara Eropah dan Asia Timur atau Amerika Utara dan Asia Timur, tetapi kerana kurangnya hubungan laut dan udara telah menyebabkan jarak antara wilayah itu seperti jauh.

+Ini merupakan halangan utama dalam usaha kita untuk merapatkan hubungan, +katanya pada jamuan malam meraikan beliau, yang diberikan oleh Presiden Brazil Fernando Collor de Melo di Istana Itamaraty, di sini.

+Kita mesti mengatasi halangan psikologi ini dan menumpukan fikiran dan tenaga kita kepada usaha mengatasi masalah tersebut, +tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, tugas itu bukan sahaja perlu dijalankan oleh kerajaan di kedua-dua rantau itu tetapi juga oleh sektor swasta. -- lagi

♥27/06/16-22MST

CNS3889

R GB 27-06 00115 BH985

aab

Mahathir - Halangan

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, usaha bersama seumpama itu sangat perlu untuk mencapai kemajuan dalam usaha yang dihasratkan itu.

+Lagi cepat kita mulakan usaha mengatasi masalah itu, lagi baik bagi kita semua, +tambah beliau.

Beliau berkata, bagi pihak Malaysia, ia sudah bersedia untuk menjadi penghubung bagi menyediakan kemudahan bagi menguruskan perdagangan Brazil di rantau Timut- dan Asia Tenggara, yang kini pesat berkembang.

Beliau berkata, walaupun jarak geografi memisahkan Malaysia dan Brazil di tambah dengan masalah sejarah, bahasa, kebudayaan dan agama, tetapi terdapat unsur-unsur persamaan antara kedua-dua negara.

Beliau berkata, orang Eropah pertama datang ke Malaysia ialah bangsa Portugis. -- lagi

♥27/06/16-27MST

CNS3934

R GR 27-06 00170 BH993

aab

Mahathir - Halangan 3 Brasilia

+Pada hari ini, kami masih ada sekumpulan orang keturunan Portugis dan tarian-tarian Portugis, nyanyian-nyanyian dan perkataan-perkataan yang kini menjadi sebahagian daripada kebudayaan Malaysia, +katanya.

+Namun begitu, kedua-dua negara terpisahkan jauh dan mempunyai hubungan yang sedikit. Dengan itu, kedua-dua negara berkenaan mesti lah segera memperbaiki keadaan tersebut dan meletakkan asas yang kukuh bagi membina satu hubungan yang bermakna dan berfaedah kepada kedua-dua pihak, +katanya.

Perdana Menteri, yang kini melakukan lawatan rasmi ke Brazil, berkata adalah tidak diragukan bahawa terdapat potensi dan kemungkinan untuk meningkatkan lagi perdagangan dua hala antara kedua-dua negara, yang walaupun kecil, telah menunjukkan peningkatan sejak beberapa tahun lepas.

Masyarakat peniaga dan dewan perniagaan kedua-dua negara mempunyai satu peranan utama untuk meneroka dan mewujudkan hubungan perdagangan dan pelaburan yang boleh memberi faedah langsung kepada kedua-dua pihak.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, oleh kerana tujuan inilah, beliau membawa bersama-samanya sekumpulan besar peniaga Malaysia yang berminat untuk mewujudkan hubungan perniagaan dengan Brazil. -- lagi

♥27/06/16-57MST

Mahathir - Halangan 4 Brasilia

Beliau sangat berharap hubungan yang mereka wujudkan di sini akan membantu mempercepat usaha kerjasama, bukan sahaja antara Malaysia dan Brazil tetapi juga antara Brazil dan Asia Tenggara dan Asia Timur.

Mengenai kerjasama Selatan-Selatan, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Brazil sentiasa membantah terhadap amalan perdagangan yang tidak adil oleh negara-negara majoriti yang mendiskriminasi keluaran mereka.

Kedua-dua negara juga membantah terhadap harga yang tidak adil dan tidak stabil bagi barangan utama mereka, dan kedua-dua pihak juga terdedah kepada tekanan ekonomi kerana tidak mslakukan jenayah alam sekitar.

+Sehubungan dengan itu, kerjasama antara negara-negara membangun sangatlah penting sekarang.

+Kita tidak boleh memutuskan hubungan kita dengan Utara. Tetapi memandangkan Utara boleh mencari pasaran di Selatan dan mengeksploiti, sudah tentu negara-negara Selatan juga boleh mempunyai kelebihan di pasaran yang sama bagi faedah bersama, + tambah beliau.-- lagi

♥27/06/17-01MST

R GB 27-06 00132 BH001

aab

Mahathir - Halangan 5 Brasilia

Perdana Menteri berkata, ketika negara-negara berkenaan boleh menubuhkan kumpulan serantau untuk menjadi lebih bersaing dan untuk membantu antara satu sama lain untuk maju, mereka mesti terus mengekalkan perdagangan bebas, kerana hanya melalui perdagangan mereka berharap untuk berkembang dengan pesat untuk bersaing dengan negara-negara maju.

Beliau yakin, dengan usaha bersama, negara-negara selatan boleh mendokong perdagangan bebas dan menahan aliran ke arah perlindungan di utara.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara-negara membangun telah dieksploit pada masa lepas kerana mereka kurang bekerjasama dan bersatu.

+Kita tidak boleh binasakan sejarah itu berulang. Oleh kerana itu, Malaysia telah memberi penekanan tentang perlunya kerjasama Selatan-Selatan, + katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, Malaysia bukan mencadangkan satu pendekatan konfrontasi terhadap Utara. -- lagi

♥27/06/17-50MST

R GB 27-06 00180 BH002

aab

Mahathir - Halangan 6 Brasilia

Sebenarnya ialah Malaysia yakin bahawa satu suasana perdagangan Utara-Selatan yang sihat akan terus menjadi scenario yang baik untuk pertumbuhan perdagangan dunia seluruhnya.

Sementara itu, kerjasama Selatan-Selatan dan perjanjian-perjanjian perdagangan mestilah diterokai dan dieksploit.

Beliau berkata, Malaysia sangat percaya kerjasama Selatan-Selatan, dan terutamanya komponen perdagangannya, mempunyai potensi yang kuat sekiranya negara-negara berkenaan memberi tumpuan kepada usaha itu.

Sambil mengambil contoh G-15 sebagai satu alat untuk menggerakkan kerjasama seumpama itu, Perdana Menteri berkata, potensi wujud bukan sahaja dalam perdagangan tetapi juga dalam pelaburan, dalam menggerakkan pengaliran kewangan yang lebih besar dan perkhidmatan yang berkaitan serta dalam menggalakkan pertukaran teknologi berkaitan.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongannya, yang tiba dari Rio de Janeiro, diberi sambutan di perkarangan Istana Planalto, kediaman rasmi Presiden Collor.

Beliau disambut oleh Presiden yang kemudian mengiringi beliau memeriksa barisan kehormatan dan menerima tabik hormat.

Perdana Menteri dan rombongannya akan berlepas ke Sao Paulo esok untuk lawatan selama dua hari sebelum meneruskan lawatan rasmi ke Argentina. -- Bernama